

TARIKH : 22 DISEMBER 2022
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 3

Kerajaan setuju pindahkan kuasa selia gas kepada Sabah

Kerajaan setuju pindahkan kuasa selia gas kepada Sabah

Putrajaya: Kerajaan bersetuju untuk memindahkan kuasa mengawal selia bekalan gas di Sabah kepada kerajaan negeri berkenaan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata perkara itu diputuskan Kabinet sebagai sebahagian daripada usaha kerajaan untuk memartabatkan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63).

Tarikh pelaksanaannya akan ditentukan selepas mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

"Beberapa isu besar dapat kita luluskan umpamanya untuk gas kita pindahkan kuasa kawal selia bekalan gas dulu pada peringkat PETRONAS di Persekutuan, dipindah kepada Kerajaan Sabah.

"Ini sudah berlaku di Sarawak

dan sekarang dipindah kepada kerajaan Sabah. Tarikh pelaksanaan menunggu perkenan Yang di-Pertuan Agong... jadi proses itu sahaja tetapi kelulusan Jemaah Menteri sudah diperakui hari ini (semalam)," katanya pada sidang media selepas pengurusan mesyuarat mingguan Kabinet, di sini semalam.

Kuasa kerajaan negeri

Berkuat kuasa 1 Jun 2021, kerajaan Sarawak mempunyai kuasa penuh bagi mengawal selia aktiviti pengedaran gas di Sarawak selepas Kerajaan Persekutuan memberi pengecualian mendapatkan kebenaran di bawah Akta Kemajuan Petroleum 1974 dan lesen di bawah Akta Kawalan Bekalan 1962.

Anwar berkata, menerusi pemindahan kuasa kawal selia itu,

penetapan harga dan perjanjian baharu bekalan gas di Sabah akan ditentukan oleh kerajaan negeri.

"Kuasa peletakan harga dan perjanjian baharu itu dahulunya diputuskan di pusat, tetapi dengan pemindahan kuasa, pemindahan ini menetapkan kuasa ke Sabah, tapi tentunya ada proses rundingan, tapi proses itu kepada kerajaan negeri," katanya.

Mengenai perkembangan MA63, Perdana Menteri berkata, sebelum ini Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof diberi tempoh sebulan untuk menyelesaikan isu MA63.

"Seperti kita tahu (ia) dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof, (saya) bagi tempoh sebulan, insya-Allah awal Januari bila ge-nap sebulan kita akan umumkan



Pemindahan kuasa kawal selia bekalan gas Sabah membolehkan penetapan harga dan perjanjian baharu bekalan gas diputuskan kerajaan negeri. (Foto hiasan)

beberapa kemajuan jauh lebih baik untuk selesaikan sebahagian besar isu yang dibangkitkan," katanya.

Beliau berkata, perkara lain dalam perjanjian itu yang melibatkan perundangan dan pindaan undang-undang akan ditangguhkan hingga sidang Parlimen akan datang.

Pada 5 Disember lalu, Anwar dilaporkan berkata, Fadillah diberikan tugas untuk memastikan semua perkara yang masih ter-

sangkut dalam MA63 disegerakan. Walaupun kebanyakan terma dalam perjanjian itu sudah dapat diselesaikan, tetapi beberapa isu masih menimbulkan keresahan dalam kalangan pemimpin di Sarawak dan Sabah.

Sebelum ini, Premier Sarawak, Tan Sri Abang Johari Abang Openg dilaporkan meminta Kerajaan Persekutuan memudahkan rundingan untuk mengembalikan hak Sarawak di dalam MA63 yang sudah terhakis.